

# Jeritan selamatkan penghuni

**Kebakaran awal pagi musnahkan rumah didiami**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

**J**eritan seorang warga emas berjaya menyelamatkan isteri, anak dan tiga cucunya daripada rentung dalam kejadian kebakaran yang berlaku di rumahnya kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 pagi di Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Pulau Carey itu, mangsa, Siran Awas, 62, menjerif api beberapa kali sebelum bersama anak lelakinya mendukung tiga orang cucunya keluar rumah menyelamatkan diri.

Siran berkata, ketika kejadian api merebak dengan pantas dan dia hanya sempat menyelamatkan kad pengenalan miliknya selepas mengharahkan semua ahli keluarga menyelamatkan diri.

"Mass tu pakcik hanya dengar bunyi seakan-akan buntut bergera yang sangat kuat tetapi bukan letupan gas."

"Isteri pakcik kelam kabut meninggalkan rumah dan



Sulaiman ketika hadir meninjau keadaan rumah Utet dan Siran yang terbakar.

berlari tanpa hala tuju, pakcik yang ketika itu bimbang sempat jatuh di lantai jalan besar," katanya sempat menceritakan detik cemas berdepan dengan kebakaran.

Menurutnya, akibat kebakaran itu keluarganya hilang tempat tinggal dan terpaksa menumpang di sebuah balai raya berhampiran.

Bencana itu turut mengakibatkan kecederaan ringan kepada anak lelakinya, Azami Siran, 34, yang mengalami kecederaan di bahagian tangan dan lututnya akibat terkena percikan api.

Azami berkata, beliau cendera selepas cuba masuk ke rumah untuk menyelamatkan wang tunai sebanyak RM 900 yang sepertinya digunakan untuk bayaran ansuran motosikalnya.

Bagaimanapun katanya, dia tidak berjaya diselamatkan.

api marak dengan cepat namun dia sempat menarik motosikalnya jauh dari api walau pun tidak sempat menyelamatkan kunci motosikal yang turut terbakar.

"Saya bersyukur ahli keluarga selamat dan tidak kecederaan serius dialami oleh ahli keluarga yang lain," katanya.

## Jakoa peruntukan bina rumah baharu

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) Negeri Selangor, Norliza berkata, pembinaan rumah baharu bakal diusahakan bagi memberi kesolesaan kepada keluarga mangsa.

Menurutnya, beliau sendiri berhubung dengan Jakoa dan mereka sudah bersetuju membina rumah baharu untuk keluarga Siran tetapi per-



UTEH

perlu menghantar laporan secepat mungkin supaya dapat diproses dengan segera.

"Kita akan pastikan bantuan rumah dapat di salurkan memandangkan keluarga ini tinggal sebelah sepinggang."

"Keluarga itu berjaya dipulihkan untuk tinggal di balai raya sementara waktu ber-



Api yang marak membakar keseluruhan rumah.

banding kemahuannya mangsa untuk berteduh di kawasan bersebelahan rumahnya yang terbakar," katanya yang turut hadir menyalurkan bantuan makanan kepada keluarga mangsa, semalam.

Dalam pada itu, Pengurus Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Danuk Sulaiman Mohd Karli turut hadir menyampaikan bantuan termasuk menggarahkan pimpinan kawasan untuk memenuhi keperluan mangsa meramandangkan segala kelengkapan rumah musnah.

Beliau turut memanjangkan masalah mangsa kepada beberapa pihak berkaitan untuk menyegeletkan bantuan rumah supaya dapat diluluskan segera.

Selain itu beberapa agensi turut hadir menyalurkan sumbangan termasuk mendapatkan dokumen untuk proses bantuan bencana daerah.

Sementara itu, Penolong Pegawai Bomba dan Penyelamat Telok Panglima Garang, Mohd Hafzie Hassan berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian kira-kira jam 5.29 pagi dan sebaik tiba 90 peratus daripada rumah yang terabit sudah musnah.

## info

Keluarga itu berjaya dipulihkan untuk tinggal di balai raya sementara waktu berbanding berteduh di kawasan bersebelahan rumahnya yang terbakar

Sila layari **sinarharian.com.my**

Keadaan rumah Siran yang musnah dalam kejadian kebakaran awal pagi kelmarin.



Sulaiman mendengar luahan Siran.